



KERAJAAN MALAYSIA

**Piawaian Perakaunan Islam
bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)**

PPIBZW

Panduan Pelaksanaan – Pendedahan Lain
Seksyen 29, Pendedahan Pihak Berkaitan

Disember 2025

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau ditukar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau di bawah terma yang dipersetujui dengan organisasi yang mempunyai hak reprografi.

Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Disediakan dan diterbitkan oleh:
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000

Web : <https://www.anm.gov.my>

KANDUNGAN

Muka Surat

Seksyen 29 – Pendedahan Pihak Berkaitan	4
Panduan Pelaksanaan.....	4
Pendedahan – Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (BZW)	4
<i>Entiti Yang Dikawal (Seksyen 29.21).....</i>	<i>4</i>
<i>Transaksi Pihak Berkaitan (Seksyen 29.23).....</i>	<i>4</i>
<i>Personel Pengurusan Utama (Seksyen 29.30).....</i>	<i>5</i>

Seksyen 29 – Pendedahan Pihak Berkaitan

Panduan Pelaksanaan

Panduan ini hanyalah sebagai lampiran dan bukan sebahagian daripada Seksyen 29, Pendedahan Pihak Berkaitan.

Pendedahan – Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (BZW)

PP1. Pendedahan berikut dibuat dalam penyata kewangan Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf.

Entiti Yang Dikawal (Seksyen 29.21)

PP2. Institusi BZW mengawal entiti pelapor yang berikut:

Agensi dan Anak Syarikat: Lembaga Zakat, Perbadanan Wakaf, Pendidikan, Kebajikan, Perubatan (semua agensi dan anak syarikat hendaklah dikenal pasti).

(Nota: Seksyen 33, Penyata Kewangan Disatukan, menghendaki pendedahan tertentu dibuat berkenaan dengan entiti yang dikawal yang signifikan.)

Transaksi Pihak Berkaitan (Seksyen 29.23)

Berikut adalah petikan Nota Kepada Akaun yang merupakan transaksi pihak berkaitan yang terdapat dalam operasi entiti.

- PP3. Entiti menerima geran pembangunan daripada Kerajaan Persekutuan/Negeri sebanyak RM100 juta bagi projek pembinaan sekolah agama di Negeri A dan disalurkan secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun. Penerimaan Geran adalah berdasarkan sasaran kemajuan projek melalui pelaporan kepada Kerajaan Persekutuan/Negeri.
- PP4. Entiti menyewakan ruang pejabat kepada anak syarikat B yang beroperasi sebagai pusat dialisis. Anak syarikat B membayar sewa secara bulanan iaitu RM 10,000 kepada entiti mengikut terma dan syarat perjanjian sewa. Entiti juga membayar kepada anak syarikat B kos perkhidmatan hemodialisis sebanyak RM 100 ribu setahun bagi pihak asnaf yang mendapatkan perkhidmatan tersebut.
- PP5. Entiti melantik Lembaga Wakaf A sebagai Mutawalli bagi mengurus tadbir wakaf bagi pihaknya. Entiti menerima yuran pengurusan sebanyak 20% daripada manfaat wakaf tunai. Entiti juga meletakkan wakil yang bertindak sebagai ahli jawatankuasa pengurusan utama wakaf tunai tersebut.
- PP6. Encik Aiman merupakan salah seorang ahli lembaga pengarah dalam entiti. Encik Aiman memiliki sebuah Syarikat C dan telah dilantik sebagai penerima Wakalah Zakat oleh entiti.
- PP7. Encik Nazri merupakan salah seorang ahli lembaga pengarah dalam entiti. Encik Nazri memiliki sebuah Firma Guaman dan telah dilantik untuk memberi nasihat guaman kepada entiti tersebut. Entiti membayar yuran sebanyak RM50,000 pada tahun tersebut.

Personel Pengurusan Utama (Seksyen 29.30)

Personel pengurusan utama (seperti yang ditakrifkan oleh Seksyen 29, Pendedahan Pihak Berkaitan) ialah Ahli Majlis dan Pengurusan Tertinggi, yang bersama-sama membentuk badan pentadbiran entiti.

Imbuan (Seksyen 29.30(a))

PP8. Imbuan agregat Ahli Majlis dan Pengurusan Tertinggi, serta bilangan personel yang membentuk badan pentadbiran entiti ditentukan secara kesetaraan sepenuh masa berdasarkan garis panduan/ polisi tadbir urus di entiti yang menerima imbuan daripada entiti. Contohnya, Ahli Majlis perlu menghadiri sekurang-kurangnya 50 peratus mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tempoh setahun untuk dianggap sebagai kesetaraan sepenuh masa. Berikut adalah pendedahan dalam petikan daripada Nota Kepada Akaun.

Imbuan agregat

- Ahli Majlis RM XXX
- Pengurusan Tertinggi RM XXX
- Pengurusan Tertinggi RM XXX
(Agensi dan Anak Syarikat)

Bilangan Personel

- Ahli Majlis Y orang
- Pengurusan Tertinggi Y orang
- Pengurusan Tertinggi Y orang
(Agensi dan Anak Syarikat)

Pinjaman/Pembiayaan yang Tidak Tersedia Secara Meluas kepada (dan/atau Tidak Diketahui Secara Meluas oleh) Orang di Luar Kumpulan Pengurusan Utama (Seksyen 29.30 (c))

PP9. Amaun bagi pinjaman/pembiayaan yang diberikan dan dibayar balik sepanjang tempoh, dan baki belum bayar pada akhir tempoh tersebut, dinyatakan di bawah:

<i>Individu</i>	<i>Jumlah Pembiayaan/ Pinjaman (RM)</i>	<i>Dibayar balik (RM)</i>	<i>Baki (RM)</i>
<i>Individu S</i>	XXX	XXX	XXX
<i>Individu B</i>	XXX	XXX	XXX
<i>Individu S</i>	XXX	XXX	XXX
<i>Individu L</i>	XXX	XXX	XXX

Terma dan Syarat

PP10. Individu S, Ahli Majlis, menerima pembiayaan pada kadar X% setahun, iaitu sebanyak Y% lebih rendah daripada kadar pasaran. Tempoh pembiayaan adalah selama Z tahun.

PP11. Individu B, pasangan kepada Individu A, iaitu Ahli Majlis, menerima pinjaman daripada entiti. Pinjaman tersebut adalah untuk N tahun.

PP12. Pakej gaji bagi Ahli Majlis, Individu S dan Individu L membolehkan mereka mengambil pembiayaan entiti bagi tempoh sehingga A tahun pada kadar Y% setahun untuk membeli kereta.

Imbuan Dan Pampasan Lain Yang Disediakan Untuk Personel Pengurusan Utama Dan Ahli Keluarga Terdekat Mereka (Seksyen (29.30 (b))

- PP13. Sepanjang tempoh pelaporan, jumlah pampasan sebanyak amaun X (unit mata wang) telah disediakan untuk Ahli Majlis bagi perkhidmatan perundingan yang diberikan kepada agensi entiti yang tertentu.
- PP14. Sepanjang tempoh pelaporan, entiti telah menyediakan jumlah imbuan dan pampasan sebanyak amaun Y (unit mata wang) kepada ahli keluarga terdekat personel pengurusan utama. Amaun ini terdiri daripada imbuan atau pampasan entiti yang merupakan ahli keluarga terdekat iaitu anak Ahli Majlis.
- PP15. Pendedahan bagi Agensi dan Anak Syarikat entiti yang mengguna pakai PPIBZW hendaklah merujuk kepada PP1 sehingga PP12.